

08 SEP 2002

Mahathir-Iraq/I

M'SIA TIDAK CADANG JADI ORANG TENGAH DALAM SENGKETA AMERIKA-IRAQ

PULAU PANGKOR, 8 Sept (Bernama) -- Malaysia tidak berhasrat untuk bertindak sebagai orang tengah dalam sengketa antara Amerika Syarikat dan Iraq, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tidak boleh mengendalikannya...ia perkara yang begitu besar," katanya apabila ditanya sama ada Malaysia, sebagai sebuah negara Islam sederhana akan memainkan peranan sebagai orang tengah seperti yang dilakukannya di Myanmar.

Dalam kes Myanmar, Malaysia dijemput untuk memainkan peranan itu, kata Dr Mahathir semasa menjawab soalan daripada peserta selepas menyampaikan ucapan penutup di Forum Kepimpinan Global Asia di sini, hari ini.

Ekoran usaha diplomatik Malaysia dan rundingan yang dijalankan oleh bekas duta negara, Tan Sri Razali Ismail yang merupakan duta khas Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, junta tentera Myanmar telah menarik balik sekatan terhadap pemimpin pembangkang Aung San Suu Kyi pada 6 Mei lepas.

Amerika Syarikat dan sekutu akrabnya Britain, yang mengancam untuk menyerang Iraq dan menggulingkan Presiden Saddam Hussein menghantar 12 pesawat untuk menyerang beberapa infrastruktur utama pertahanan udara Iraq di barat Baghdad pada Khamis, dan meningkatkan kemungkinan tercetusnya peperangan.

Dr Mahathir berkata Amerika dan Britain sebaliknya perlu berusaha mencari penyelesaian melalui kaedah aman di sebalik mencetuskan kemarahan umat Islam di seluruh dunia.

Beliau berkata semasa Amerika Syarikat mengetuai tentera berbilang negara di Perang Teluk untuk menyerang Iraq dalam usaha membebaskan Kuwait, banyak negara Asia Barat menyokong tindakan itu dan membenarkan penggunaan pangkalan-pangkalan mereka.

"Tetapi negara-negara yang membenarkan pangkalan mereka digunakan dan bekerjasama dengan Amerika kini membantah apa-apa tindakan untuk menyerang Iraq. Syria, Mesir, Arab Saudi walaupun tidak suka dengan Saddam tetapi mereka tidak mahu Iraq diserang," katanya.

Dr Mahathir berkata untuk memerangi keganasan, Amerika tidak harus mengeruhkan lagi keadaan melalui provokasi tetapi sebaliknya perlu mendengar pandangan dunia, khususnya umat Islam.

Mengenai bantahan terhadap penghantaran pulang pendatang tanpa izin dari Malaysia, Dr Mahathir berkata Malaysia akan berpegang kepada keputusannya untuk menghantar pulang mereka yang masuk secara haram ke negara ini.

Beliau berkata langkah itu bukan sahaja terhadap warga Indonesia dan Filipina tetapi juga mereka dari negara-negara lain seperti Bangladesh, India dan Myanmar.

"Ada antara mereka yang masuk secara haram dan menyamun serta membunuh orang kita. Kita perlu melindungi rakyat kita dan kita berhak berbuat demikian," kata beliau lagi.

Kerajaan, bagaimanapun, akan terus membenarkan pekerja-pekerja asing yang masuk secara sah dengan dokumen-dokumen perlu kerana ia lebih mudah untuk mengawal mereka dan terdapat sektor-sektor yang memerlukan perkhidmatan mereka.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga percaya dalam memakmurkan jiran-jirannya kerana ini akan membantu memajukan jiran-jirannya yang kurang maju, wujudkan lebih banyak peluang dan hentikan kebanjiran

pendatang tanpa izin dari negara-negara itu.

-- BERNAMA

AR PR